

07/06/1998

Asia vs Barat

A Nazri Abdullah

KETIKA pelabur, pemegang dana dan ahli perniagaan di New York menjulang gelas merayakan kemakmuran dan kemewahan hidup, ahli perniagaan, palabur dan pemilik bank di Asia sedang bergelut dengan masalah kejatuhan pasaran saham, mata wang dan peningkatan hutang lapuk yang berlipat ganda. Ketika pemimpin politik di Amerika dan Eropah senyum lebar melihat syarikat-syarikat gergasi mereka bergabung menjadi syarikat mega untuk menguasai ekonomi dunia, pemimpin-pemimpin Asia terpaksa berhempas pulas menyelamatkan bank dan syarikat nasional daripada menggulung tikar.

Dua senario yang berbeza ini - kemakmuran di Amerika dan Eropah vs kegawatan ekonomi dan kemiskinan di Asia memberi petanda bahawa dunia di alaf ke-21 akan menyaksikan pergelutan sengit di antara nasionalisme ekonomi Asia menentang penjajahan semula kapitalis Barat. Dunia tidak akan aman hingga ke akhirat kerana keamanan tidak memberi keuntungan kepada kuasa besar. Jika pasaran yang aman dan stabil tidak akan memberi keuntungan kepada kapitalis dan pedagang mata wang, maka keamanan politik akan merugikan pengaruh antarabangsa kuasa-kuasa besar.

Kegawatan ekonomi Asia sedang memberi keuntungan besar kepada gergasi ekonomi yang kini berkeliaran untuk menelan syarikat-syarikat Asia yang dalam keadaan tenat. Asia yang dulunya dipuji kerana keajaiban ekonominya, kini dilempar pelbagai tuduhan keji. Dalam keadaan pemimpin Asia berusaha membebaskan diri daripada belitan deregulasi dan globalisasi ini, India dan Pakistan pula mencipta peluang baru untuk kuasa Barat menjadikan Asia gelanggang politik mereka. Rumah Putih melihat isu ujian senjata nuklear India dan Pakistan sebagai pucuk dicita ulam mendatang bagi menggantikan kambing hitam Iraq yang sudah disembelih.

Inilah dilema Asia. Benua yang masih miskin, ketandusan teknologi dan masih bergolak dengan perebutan wilayah dan peperangan sempadan. Kalau Nafta sedang berusaha menyatukan Amerika Utara dan Selatan, dan Eropah pula akan muncul sebagai sebuah kesatuan, negara-negara Asia belum bebas daripada perasaan dengki dan iri hati, Arab masih berkelahi sesama sendiri, Kashmir masih menjadi rebutan India-Pakistan, Jepun dan China masih sangsi dan Asean, satu-satunya pakatan serantau lebih banyak bercakap daripada beraksi.

Inilah dilema Asia. Benua yang bukan saja masih bergelut dengan kemiskinan, peperangan saudara dan suku kaum malah sentiasa pula dilanda pelbagai bencana alam - ribut taufan, banjir, kemarau panjang, gunung berapi, gempa bumi dan sebagainya. Asia, tempat lahirnya nabi-nabi agama terpenting dunia dan benua yang mencipta tamadun yang termasyhur di dunia kini sedang dihimpit dan dipulas oleh kapitalis Barat yang akan menggunakan apa saja peluang untuk memulihkan hegemoni mereka abad ke-19.

Segala rekod cemerlang Asia membina negara bangsanya kini musnah sama sekali. Benua yang mencipta sejarah sebagai "the fastest reduction in poverty for the greatest number of people in history" kini diancam kegawatan ekonomi yang paling parah dalam sejarah manusia. Asia tidak boleh mengharap bantuan kapitalis Barat untuk menyelamatkan mereka kerana segala bentuk bantuan sama ada dari negara Kumpulan Tujuh, Tabung Kewangan Antarabangsa atau Bank Dunia akan menjerut leher mereka. Asia patut mempelajari pengalaman benua Afrika yang tangan dan leher mereka sudah lama dijerut oleh Barat.

Dua ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Persidangan Masa Depan Asia di Tokyo minggu ini, melontar kesimpulan yang

menggerunkan. Katanya, peperangan baru akan muncul di Asia, peperangan rakyat Asia membebaskan ekonomi mereka daripada dikuasai oleh kapitalis baru dari Barat. Tidak seorang pun peserta persidangan itu yang turut dihadiri oleh ahli perniagaan dan pengurus dana dari Barat yang berani mempertikaikan kesimpulan Dr Mahathir. Barangkali mereka juga yakin jika Barat berterusan untuk menguasai Asia, lambat laun peperangan akan berlaku. Ini bukan peperangan antara tamadun, tetapi peperangan rakyat Asia mengambil kembali hak ekonomi mereka. Buat masa ini pun sentimen anti-Amerika sudah mula berkembang di China, Jepun, Taiwan, India dan Indonesia.

Sepuluh tahun lalu, apabila tembok Berlin dirobohkan, pemimpin Barat meraikan kemenangan demokrasi dan kapitalisme ke atas komunisme. Tetapi bagi Dr Mahathir, beliau meramalkan dunia tanpa perimbangan kuasa akan menyusahkan negara-negara kecil terutama di Asia. Sesungguhnya ramalan beliau tepat sekali. Maka tidak hairanlah jika Dr Mahathir kini menjadi jurucakap utama menentang kemaraan kapitalis rakus dari Barat.

Banyak pemimpin Asia yang setuju dengan beliau tetapi mulut mereka dicekup oleh Barat daripada berkata-kata. Jepun satu-satunya negara Asia yang diharap menjadi ejen kepada pemulihan ekonomi Asia turut dipulas tangannya daripada menyelamatkan Asia. Bagaimanapun, di kalangan usahawan dan pemimpin politik Jepun sudah ada keberanian untuk bercakap mengenai mata wang Asia dan Tabung Ekonomi Asia.

Asia akan selamat dan makmur jika semua pemimpinnya mengetepikan sikap iri hati dan tamak sesama sendiri. Sebagai benua yang menguasai dua pertiga daripada keluasan dan jumlah penduduk dunia, Asia boleh muncul sebagai benua yang makmur jika mereka bersatu hati memperkuat diri. Dalam salah satu ucapannya di Beijing tiga tahun lalu, Dr Mahathir pernah berkata, Asia tidak berniat menguasai dunia tetapi sekadar mahukan haknya di dunia yang satu.

China sebagai pasaran terbesar dunia kini menjadi primadona Amerika dan Eropah. Walaupun negara itu mencatatkan rekod hak asasi manusia yang buruk dan beberapa kali menguji senjata nuklear yang dijual oleh Amerika, Barat tidak pernah mengutuk China. Sebaliknya India, negara demokrasi terbesar di dunia, sentiasa dikutuk dan ditekan oleh Amerika bukan kerana Amerika tidak sayangkan India tetapi kerana cintakan China lebih daripada India. Jika Barat boleh mencintai China yang digambarkan dengan pelbagai kehodohan, mengapa Barat tidak boleh menunjukkan kemesraan yang sama dengan negara Asia lain yang lebih cantik dan molek daripada China? Oleh kerana kapitalisme Barat tidak pernah menghormati kemanusiaan dan kedaulatan, maka sesiapa pun yang memimpin Asia tidak akan terlepas daripada perjuangan membebaskan negara dan rakyatnya daripada cengkaman Barat. Dividen berakhirnya perang dingin adalah untuk Barat sedangkan Asia terus menanggung hutang yang membebankan. Hanya rakyat dan pemimpin Asia yang dapat menyelamatkan benua Asia.

(END)